

Newspaper	Berita Harian
Date	28/7/2014

(BH-28/7/14) (2)

• Dari muka 6

Bagi Dr Mahathir, hari raya juga memberi erti besar kepada keluarga kerana itulah detik paling seronok, dapat berkumpul dan saling bermaafan antara satu sama lain.

"Bagi saya, keluarga perlu berkumpul sekurang-kurangnya dua kali setahun - hari raya puasa dan hari raya haji. Masa kecil dulu, hari raya disambut dengan cukup meriah. Abang-abang saya akan balik ke rumah. Abang saya yang bekerja di Sungai Petani, Kedah, akan balik dan kami berkumpul bersama. Kami tidak main mercun kerana bapa saya tidak bagi, tetapi raya tetap seronok.

"Kami semua adik-beradik, akan berkumpul bersama. Ada juga sepupu kami yang tinggal bersama. Ramai sampai tak cukup bilik untuk tidur. Pasang tikar dan tilam sikit, tidurlah di ruang tamu atau ruang yang ada. Pagi raya kita semua bersalam. Kenangan yang manis sudah tentulah apabila mendapat duit raya," katanya.

Dr Mahathir turut berkongsi, suatu benda yang luar biasa bagi orang di Kedah ialah salam lutut.

"Kita sembah lutut, bukan tangan. Lutut bertemu dan tangan diletakkan atas lutut. Apabila baharu kahwin dulu dan sembah lutut, mak mentua terkejut," katanya yang turut memberitahu amalan itu kini tidak lagi ditekankan.

#### Juadah raya

Mengenai juadah raya, Dr Mahathir berkata di Kedah, pulut kacau (wajik) antara wajib disediakan, selain ketupat pulut dan lemang yang dimakan bersama kari.

"Dulu, sebahagian besar kuih dibuat di rumah. Saya selalunya ditugaskan kukur kelapa untuk dibuat santan. Sekarang sudah ada mesin kukur kelapa. Dulu persi-



## Mentua terkejut salam lutut



apan raya disambut macam nak buat kenduri," katanya.

Satu lagi kenangan tidak dilupakan dan menyeronokkan ialah menziarahi dan kunjung-mengunjung ke rumah saudara-mara.

"Dulu pergi beraya ke rumah

adik-beradik kami menaiki lanca atau beca tetapi kadang-kadang berjalan kaki saja. Dulu tidak ada istilah balik kampung sebab memang duduk di kampung. Saya duduk di Alor Setar di kawasan bandar tetapi orang Melayu tidak

ramai melainkan kakitangan kerajaan," katanya.

#### 'Baliklah jenguk keluarga'

Sebagai perdana menteri, suasana menyambut hari raya ternyata berbeza kerana menjadi tumpuan pelbagai pihak termasuk rakyat yang ingin berkunjung di rumah terbuka.

Dr Mahathir berkata, sambutan Aidilfitri ketika memegang jawatan lebih banyak kepada rakyat berbanding beraya dengan keluarga dengan waktu yang terhad saja.

Lazimnya, lepas balik sembahyang raya, tugas Dr Mahathir ialah bersama rakyat, dari pagi sampai malam.

"Sebagai perdana menteri, sudah tentu sambutannya lebih hebat kerana ada kemudahan. Biasanya, selepas solat sunat Aidilfitri dan berhari raya di Istana

Negara, saya akan meraikan orang ramai yang datang berkunjung ke rumah," katanya.

Anak-anak tidak cakap apa-apa, mereka faham. Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, amalan bermaaf-maafan dalam kalangan ahli keluarganya tetap diadakan setiap kali hari raya.

"Saya dan Hasmah akan duduk sebelah, manakala anak menantu dan cucu berderet beratur. Bermula dengan anak sulung Marina dan suami. Lepas itu Mirzan dan isteri. Habis anak menantu, tiba giliran cucu bersalam. Aturan giliran ikut usia, semua beratur. Sudah bersalam, duduk sebelah, akhirnya semua bersalam. Masa bersalam itu, kita ucaplah selamat hari raya dan meminta maaf. Ini saat yang paling best," kata Dr Mahathir yang kini ada 17 cucu.

Kini sejak pencen, lebih banyak masa bersama keluarga. Apabila dianjurkan rumah terbuka, masih ramai yang datang. Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, tahun ini keluarganya tidak menganjurkan rumah terbuka kerana selepas menyambutnya bersama ahli keluarga, beliau dan isteri akan keluar negara atas urusan kerja.

Dr Mahathir berkata, perubahan corak keluarga tidak seharusnya mempengaruhi keseronokan menyambut raya.

"Saya harap pada hari raya, setiap keluarga dapat berkumpul kerana ia boleh merapatkan hubungan silaturahim anak dan cucu. Bagi keluarga besar, amalan ziarah dari rumah ke rumah seharusnya diteruskan.

"Hari raya, semua keluarga seharusnya mengambil kesempatan berkumpul untuk tunjukkan kasih sayang kepada ibu bapa. Anak-anak mana yang duduk jauh itu baliklah ke rumah keluarga. Banyaklah cerita apabila berkumpul. Walaupun kita boleh berhubung melalui media sosial, tetapi tidak sama dengan berjumpa," katanya.